

DEWAN MAJLIS**Khamis, 10 Jamadilakhir 1438 / 9 Mac 2017****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Uagama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari keempat pada hari Khamis, 10 Jamadilakhir 1438 bersamaan 9 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas

Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu  'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui pada hari ini, Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang keempat. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun bersidang di peringkat Jawatankuasa untuk meneliti satu persatu Tajuk-Tajuk yang berkenaan.

Maka, bagi membolehkan kita untuk meneruskan mesyuarat ini di peringkat Jawatankuasa. Saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: 

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada petang semalam telah meluluskan Tajuk-Tajuk bagi Kementerian Kewangan. Kita sekarang akan berpindah pula ke Tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk-Tajuk yang akan kita bincangkan ini ialah Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, seperti lazimnya, saya ingin memberikan peluang dan menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataan pendahuluannya mengenai asas-asas penyediaan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018 sebanyak \$131, 707,750.00 mengambil kira pelbagai senario dan cabaran yang dihadapi masa kini termasuklah pertumbuhan ekonomi global yang perlahan. peruntukan yang diluluskan tepat dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** mendukung sasaran yang berhemah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola menyampaikan sedikit mukadimah mengenai kedudukan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Daripada jumlah peruntukan sebanyak \$131,707,750.00. Sebanyak \$94,482,220.00 diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$36,865,530.00.

Tidak dinafikan, dalam pelaksanaan skop kerja kementerian ini terdapat berbagai cabaran utama yang perlu ditangani terutama sekali dalam memastikan kaedah dan prosedur penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai akan sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan mesra pelanggan, sentiasa cekap dan memenuhi matlamat perkhidmatan berkenaan.

Dalam pada itu, selaras dengan kaedah *programme and performance budgeting*, kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya telah merangka strategi dan perancangan bagi membantu negara ini meningkatkan perpaduan masyarakat, memangkin sosioekonomi dan menguatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Sehubungan dengan itu, di bawah Tajuk SE02A, Tajuk SE03A dan Tajuk SE04A iaitu kuasa-kuasa tempatan dan perbendaraan sebanyak \$53,369,587.21 atau 40.5% daripada jumlah keseluruhan adalah bagi meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat serta penduduk yang melibatkan masyarakat di peringkat akar umbi selari dengan salah satu *KPI*

Kebangsaan Wawasan Brunei 2035 di bawah Strategi Pembangunan Institusi yang telah diamanahkan kepada kementerian ini bersama Jabatan Perdana Menteri iaitu *KPI 2.11 - Meningkatkan Perpaduan Masyarakat?*

Dalam masa yang sama jua, untuk memantapkan peranan dan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung selain itu ia juga diperlukan bagi memajukan perbendaharaan dan meningkatkan lagi prasarana yang kondusif bagi perniagaan.

Di bawah Tajuk SE05A, Tajuk SE10A, Tajuk SE11A dan Tajuk SE12A iaitu Keselamatan dan Kesejahteraan sebanyak \$78,338,163.51 atau 59.5% telah dipohonkan. Secara umum ia termasuk dalam memelihara keselamatan masyarakat melalui kaedah-kaedah pengawalan tertinggi dan berteknologi tinggi termasuk pemantauan keluar dan masuk warga asing, pencegahan kebakaran dan menyelamatkan nyawa, pengurusan bencana alam dan pemulihan banduan. Dalam masa yang sama, ia juga akan digunakan bagi memantapkan keupayaan sumber tenaga manusia dan kompetensi pegawai dan kakitangan ke arah perpaduan negara yang berdaya tahan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan isu-isu atau perkara yang memberi impak besar kepada negara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sepanjang tahun 2016/2017, telah pun melaksanakan

beberapa strategi dan akan terus melaksanakan program dan inisiatif bagi sama-sama mendukung dan mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035. Sebagai contoh, bagi sama-sama meningkatkan *Ease of Doing Business* dan mewujudkan suasana perniagaan yang probisnes di negara ini, kementerian ini telah membuat perubahan dan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan.

Kesinambungan dari usaha awal dalam memudahkan proses memulakan perniagaan, pada bulan Oktober 2016, Jabatan Buruh telah membuat pembaharuan ke atas pengeluaran Lesen Pekerja Asing atau LPA. Proses baharu ini melibatkan penggabungan permohonan kuota pekerja asing dan sokongan Pas Kerja dengan tempoh TPOR dipendekkan dari 41 hari ke 7 hari. الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan kaedah ini permohonan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, teratur dan dalam masa yang sama ia memastikan iklim perniagaan akan sentiasa menggalakkan dan memberangsangkan. Usaha-usaha memberigakan inisiatif ini sedang giat dilaksanakan melalui sesi *industry and stakeholders engagements* dan juga melalui berbagai-bagai saluran media.

Selain itu, di peringkat mukim dan kampung pula, sehingga bulan Januari 2017, sejumlah 76 buah kampung telah mempunyai produk 1K1P masing-masing sejumlah 201 buah produk telah didaftarkan di bawah Program 1K1P. Bagi meningkatkan lagi sosioekonomi negara, kementerian ini telah dan akan terus bekerjasama dengan kementerian

dan agensi yang berkepentingan bagi mendapatkan Sijil Halal, pengiktirafan pakej pelancongan dan khidmat kepakaran serta teknologi dalam pertanian serta perikanan agar ia boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara. Perkara ini bukan sahaja dapat meningkatkan inovasi dan kreativiti masyarakat melalui penghasilan produk atau perkhidmatan yang unik malahan ia dapat memperkukuhkan perpaduan dan semangat gotong-royong masyarakat menerusi aktiviti perekonomian yang diusahakan secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengambil kira teras utama skop kerja dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah merangkumi keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk, kementerian ini sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi berkepentingan sama ada dari pihak kerajaan, sektor swasta dan *NGO* bagi sama-sama memantau program dan inisiatif bagi memelihara keamanan negara.

Dalam konteks meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsediaan di peringkat kebangsaan dan pendidikan orang ramai mengenai keselamatan dan kesejahteraan masyarakat kementerian ini dengan menggunakan teknologi terkini telah melaksanakan aplikasi mudah alih panduan asas kecemasan dan keselamatan awam. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh mempelajari beberapa kandungan seperti doa menolak bencana, tatacara memberi pertolongan cemas, tindakan yang boleh diambil apabila berlaku kecemasan dan

bencana, panduan keselamatan kebakaran dan tindakan-tindakan bagi melindungi diri daripada ancaman penganasan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam langkah menangani kesejahteraan dan keselamatan masyarakat, sebagai contoh Jawatankuasa Keselamatan Pantai telah ditubuhkan yang terdiri daripada beberapa Kementerian dan *NGO* khususnya *beach bunch*, dalam memberigakan maklumat yang berguna mengenai keselamatan semasa berada di pantai.

Dalam meningkatkan tahap kesiapsiagaan operasi kecemasan khususnya, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan perkhidmatan *EMAS (Emergency Medical Ambulance Service)* iaitu program integrasi ambulans ke balai-balai yang telah dikenal pasti seperti Balai Bomba Berakas, Rimba, Jerudong dan Pangkalan Batu dan Pusat Gerakan 995 pada 1 November 2016. Perkhidmatan ini juga mengambil kira konsep *whole government* dan dilartakan menjadi *whole of nation approach* dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia juga dapat dan telah mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Selain itu, gandingan tindakan operasi ini telah dapat memantapkan lagi mutu perkhidmatan yang dihulurkan mendapati *KPI* yang dihasratkan. Program ini juga menempatkan petugas *EMAS* atau Operator 991 di Pusat

Gerakan 995 untuk mengukuhkan lagi sistem panggilan kecemasan yang komprehensif dan sistematik bagi kedua-dua perkhidmatan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan peruntukan yang telah dibentangkan, kementerian ini akan berusaha sedaya-upaya bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam memastikan sistem perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa mencapai *standard* dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas kenyataan yang komprehensif terhadap arah tuju dan rancangan-rancangan yang strategik mengenai belanjawan yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya bukakan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini untuk dibahaskan dan saya persilakan dulu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekema Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato

الْحَمْدُ لِلَّهِ

Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekema Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Tajuk SE01A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Kaola ingin menimbulkan beberapa isu yang kaola rasa perlu kita tangani dengan sebaik-baiknya. Akhir-akhir ini kaola dapati melalui pengamatan kaola sendiri, penguatkuasaan undang-undang, khususnya Undang-Undang Penguatkuasaan Imigresen terdapat kelonggaran kawalan ke atas pekerja-pekerja asing seperti penyalahgunaan pas tinggal, kebenaran membawa keluarga yang sepatutnya hanya dibenarkan dalam kategori tertentu, yang pada satu masa dahulu hanya dibenarkan kepada yang memegang *managerial post* yang bergaji \$2,500.

Sekarang kaola dapat tahu ia telah diturunkan kepada \$1,500 dan boleh membawa keluarga ke negara ini. Malah kaola sendiri mendapati banyak pekerja yang tidak sepatutnya membawa keluarga, seperti; tukang gunting, tukang dobi dan lain-lain membawa keluarga mereka dan pas menetapnya disambung dari semasa ke semasa.

Hal ini, sudah tentunya menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada negara kerana dengan sendirinya bila mereka itu berada di negara ini tanpa kita sedari merebut peluang-peluang lain dalam kehidupan masyarakat kita. Kaola

harapkan penguatkuasaan Akta Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dapat diperhebatkan lagi kerana kita sering mendengar pengaduan masyarakat bahawa pekerja-pekerja asing ini telah mengambil peluang untuk menjalankan perniagaan sedangkan mereka bekerja di sektor lain tapi bekerja di tempat yang lain.

Kedua, perkara ini pernah kaola timbulkan dalam istilah *binalu* (benalu/bendalu). Hal ini kita dapat tangani kaola rasa dengan menggunakan akta-akta tertentu dalam Akta Imigresen ataupun Buruh untuk menangani masalah ini. Kita tidak melarang orang-orang asing untuk datang ke Brunei dan berkerja bersama-sama kita untuk kepentingan pembangunan negara. Apa yang kita tidak mahu ialah mereka ini akan menetap di negara ini dan berhasrat untuk menjadi orang Brunei dalam keadaan mereka berkerja dan mengambil peluang ataupun merebut peluang-peluang kita dalam sektor-sektor perniagaan dan lain-lain.

Untuk itu, kaola sarankan supaya pihak berkuasa di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan supaya menggunakan akta-akta tertentu ataupun peruntukan dalam Akta Imigresen itu untuk menghadkan tempoh tinggal mereka pada satu had yang tidak melayakkan mereka untuk menjadi orang Brunei.

Kita perhatikan misalnya, maksud kaola untuk menjadi orang Brunei tentulah mereka itu mesti tinggal di negara ini

menetap secara menyeluruh dalam masa-masa yang berterusan, tetapi dengan adanya kita menggunakan Akta ini kita boleh menghadkan tempoh tinggal mereka yang dengan sendirinya apabila mereka itu memohon untuk menjadi Penduduk Tetap ataupun penduduk rakyat negara ini. Kita dapat melihat bahawa mereka putus, hilang kelayakan mereka kerana dikawal oleh peraturan-peraturan ini.

Itu sahaja soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi dan kaola terus menyarankan penguatkuasaan dihebatkan lagi kerana kadang-kadang nampak ketara di sana sini pelanggaran itu dan menjadi buah mulut orang ramai. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas dua perkara yang berkaitan dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Secara umumnya, kaola merespons Yang Berhormat mengenai penguatkuasaan undang-undang. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dari semasa ke semasa sama ada secara bersendirian ataupun melalui operasi bersama dengan agensi lain sentiasa melaksanakan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang berkenaan.

Izinkan kaola bercakap secara umum Yang Berhormat Pengerusi sebelum menyentuh soalan. Bagi tujuan ini, umpamanya pada tahun 2016 jabatan itu

telah melaksanakan pemeriksaan rutin, 92 pemeriksaan dan menjalankan 134 operasi dan dari operasi ini 90 orang dibawa ke mahkamah, 640 orang dikenakan kompaun yang berjumlah \$260,330 dan 1,712 orang diusir keluar dari Negara Brunei Darussalam kerana melanggar Akta Undang-Undang Imigresen yang berbagai-bagai. Tidak perlulah kaola jelaskan kesalahan-kesalahan itu.

Begitu juga Jabatan Buruh juga mengambil tindakan undang-undang. Perkara mengenai dengan kelamaan pas tinggal, kebolehan untuk membawa keluarga ke negara ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diteliti jika misalnya perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu mempunyai *validity* untuk kita menelitinya.

Perkara kedua, mengenai *binalu* (benalu/bendalu) iaitu kehadiran pekerja-pekerja asing yang khuatiri oleh Yang Berhormat kemungkinan akan memberikan mereka peluang untuk tinggal di negara ini.

Dalam mukadimah kaola telah pun menyatakan bahawa mulai bulan Oktober 2016 kita telah menyatukan kedua-dua kuota dan lesen pekerja menjadi satu iaitu Lesen Pekerja Asing. Ini bermakna tidak ada lagi permohonan kuota. Berkaitan dengan kuota ini, sebelum pelaksanaan Lesen Pekerja Asing (LPA) ini, apa yang terjadi pengusaha-pengusaha, peniaga kita memohon kuota, Mereka pun diberikan kuota berasaskan bisnes atau perniagaan yang akan mereka laksanakan, tetapi

kadang-kadang kuota itu tidak dipenuhi dan sebahagiannya ada yang digunakan oleh orang lain.

Inilah kemungkinannya, timbulnya masalah mengapa adanya orang-orang yang bekerja tetapi diambil oleh majikan lain dan bukan oleh majikan yang sebenarnya memohon. Jadi dengan Lesen Pekerja Asing ini, kuota tidak ada, kita akan memberikan pas kerja itu menurut perkiraan berapa sebenarnya pekerja asing yang diperlukan oleh satu-satu sektor itu. Kita juga mempunyai garis panduan mengenai drisikonya. Jadi bila ini ditiadakan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, mungkin perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu akan dapat dikawal.

Bagi tujuan orang luar menetap di negara ini, yang dikhuatiri akan tinggal lama dan apa yang mungkin dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, mendapat *Permanent Residence (PR)*, ia juga dikawal oleh peraturan-peraturan yang tertentu di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jadi walaupun ia tinggal lama, tidak akan menjadi satu syarat untuk ia akan terus dapat menjadi Penduduk Tetap di negara ini. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka

Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola hanya ingin membuat cadangan sebagaimana pada awalnya tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan beberapa perkara yang menyebutkan mengenai keselamatan kampung dan sebagainya.

Kaola memang sudah maklum bahawa keselamatan di kampung-kampung memang satu keperluan dan pada masa ini mengikut makluman kaola, pihak pegawai-pegawai daerah telah membuat hubungan dengan pasukan keselamatan, lebih-lebih lagi dengan Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Polis Kejiranan. Kaola ingin menyatakan supaya hubungan dengan Pasukan Polis ini akan dapat dibuat dengan seluas-luasnya untuk memastikan keselamatan di setiap kampung perlu demi kesejahteraan masyarakat di kampung.

Pada masa ini, kaola ingin memastikan bahawa keselamatan dan kesejahteraan di kampung-kampung ini dengan adanya hubungan dengan pasukan berkenaan akan dapat memastikan apa juga keadaan di kampung-kampung akan dapat berjalan dalam keadaan aman. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin, atas cadangan Yang Berhormat Pehin bagi mengeratkan lagi kerjasama yang sedia

terjalin antara Majlis Perundingan Mukim dan Kampung melalui Jawatankuasa Kejiranan Kampung di tiap-tiap kampung dengan pihak Polis Diraja Brunei. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kita akan terus meningkatkan kerjasama ini kerana Jawatankuasa Kejiranan Kampung memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu memelihara keamanan dan keselamatan kampung. Cuma barangkali kaola ingin menjelaskan ada beberapa buah kampung yang belum lagi menubuhkan Jawatankuasa Kejirannya mungkin kerana kampung itu kecil. Jadi perkara ini akan kita lihat, mungkin ia akan dapat dibuat sebagai kluster kampung-kampung yang kecil itu bagi memanfaatkan kapasiti penduduk di sana itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah dan tahniah juga atas usaha-usaha yang sedang dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat serta penduduk kitani juga terutama sekali mengenai keselamatan di kawasan pantai. Kaola ingin bertanyakan mengenai dua perkara iaitu:-

1. Tajuk SE02A-002/000 - Kemajuan Bandar Seri Begawan. الْحَمْدُ لِلَّهِ

program Bandarku Ceria semakin mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak dan diharap dapat dikembangkan lagi dengan beberapa perkara iaitu melibatkan Kampung Air sebagai tempat aktiviti bukan sahaja terhad di jalan raya ataupun kawasan darat di Bandar Seri Begawan. Bayangkan jika kawasan tambing-tambing di sekeliling Bandar Seri Begawan dapat dihidupkan semula dengan padian-padian berjual, pail-pail dan pantaran-pantaran rumah Kampung Air penuh dengan aktiviti perekonomian atau kebudayaan serta orang kitani dan pelancong boleh juga mencuba-cuba berjanuari (*regatta*).

الْحَمْدُ لِلَّهِ juga, bangunan-bangunan di Bandar Seri Begawan menggabungkan beberapa struktur baharu serta lama yang diubah suai. Contoh bangunan lama yang dimodenkan ialah apa yang sekarang dikenali dengan bangunan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) untuk perbankan dan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang menjadi tarikan pelancong ataupun aktiviti perekonomian dengan dewan serta restoran yang ada. Abis kaola berfikir, perkara ini bolehlah dilanjutkan kepada bangunan atau struktur yang lain untuk dikekalkan tetapi dijaga atau diubah suai mengikut keperluan.

Sehubungan dengan itu, abis kaola ingin bertanya mengenai salah sebuah bangunan di Bandar Seri

Begawan yang mungkin terbiar iaitu Panggung Bolkiah. Adakah usaha untuk diperbisaikan atau diubah suai kerana ia mempunyai potensi untuk dijadikan Pentas Budaya atau Pentas Teater memandangkan tempatnya yang strategik untuk penggiat industri kreatif menggunakannya; dan

2. Tajuk SE10A-002/000 - Pengurusan Perkhidmatan Visa, Pasport dan Taraf Kerakyatan. الْحَمْدُ لِلَّهِ menurut perangkaan JPKE dalam statistik yang dibuat pada tahun 2015, penduduk Brunei adalah seramai 417,200 orang iaitu 29,000 atau kira-kira 7% adalah Penduduk Tetap.

Apakah status mengenai penduduk yang menggunakan *International Certificate of Identity (ICI)* sebagai kertas perjalanan ke luar negara kerana mereka memerlukan visa untuk kebanyakan tempat tetapi dicadangkan untuk sekurang-kurangnya dokumen ini dapat dikenali sebagai dokumen yang sah di negara lain untuk perjalanan mereka serta pengenalan mereka sebagai penduduk di Negara Brunei Darussalam kerana keluhan bagi yang memegang *ICI* adalah mereka masih dapat ke luar negara, الْحَمْدُ لِلَّهِ tetapi *having a hard time* kerana dokumen tersebut tidak berapa dikenali: dan

Adakah usaha untuk meneliti semula undang-undang atau sekurang-kurangnya mempercepatkan proses TPOR mendapatkan kerakyataan bagi penduduk yang memiliki dokumen *International Certificate of Identity (ICI)* atau pemegang *Identity Card(IC)* Merah

(Penduduk Tetap) untuk dua atau ketiga generasi susah untuk mendapat kerakyatan dan seharusnya juga mendapat keutamaan dalam permohonan. Terutama sekali yang sudah lulus ujian Bahasa Melayu, hidup dan berbudaya Melayu Brunei dan berbangsanak serta berkeluarga di negara ini terutama sekali para belia. Jika kemahiran, komitmen serta sumbangan mereka kepada Negara Brunei Darussalam tidak diambil sebaiknya sebagai rakyat berkemungkinan kita akan hilang kemahiran serta dedikasi mereka untuk pembangunan negara. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengemukakan beberapa pandangan, cadangan dan pertanyaan. Terima kasih mengenai sokongan pihak swasta dan orang ramai kepada Bandarku Ceria yang sekarang sudah memakan hampir 6 bulan.

Cadangan bagi Yang Berhormat Bandarku Ceria untuk melibatkan Kampung Air. Perkara ini diteliti oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kalau kitani ingat bahawa pada bulan Oktober tahun lepas 3 buah kementerian bekerja sama iaitu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan untuk menjadikan Bandar Seri Begawan ini

sebagai destinasi pelancongan termasuk Kampung Air.

Khusus bagi Kampung Air kita mempunyai *track* nanti akan dibina di Kampung Air. *Track* itu nanti membawa pelancong-pelancong, memudahkan para pelancong untuk melawat ketempat-tempat yang menarik. Tempat-tempat kraftangan (*handicraft*), rumah penginapan (*homestay*) yang menyediakan pembuatan-pembuatan tertentu termasuk makanan dan sebagainya. Sekarang ini sudah ada pusat pelancongan di Kampung Air. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kerjasama dari 3 kementerian ini akan dapat membantu memeriahkan Kampung Air. Kalau kitani ingat bahawa dalam bulan November diadakan pesta lumba perahu yang dianjurkan oleh penduduk Mukim Kota Batu. Aktiviti ini bukan saja dijana atau diangkat oleh kerajaan tetapi juga oleh sektor swasta dan penduduk kampung.

Dalam hubungan ini, tentulah aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pelancongan untuk menarik orang datang ke Bandar Seri Begawan ini akan dapat dibuat oleh berbagai-bagai sektor. Samalah juga dengan Bandarku Ceria pada masa ini, contohnya kitani menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mencetuskan idea bagi Bandarku Ceria dan aktiviti berbasikal.

Kalau kitani lihat pada masa ini, ia bukan saja memberi peluang orang ramai beriadah, berbasikal untuk tujuan

kesihatan tetapi juga menjana ekonomi kerana telah pun menerbitkan ataupun mencetuskan beberapa orang peniaga yang menyewakan basikalnya. Kalau pada tahun lepas bulan Oktober baru seorang tapi sekarang sudah ada empat atau lima anak-anak muda kitani yang telah pun menyewakan basikal bukan saja basikal biasa mahupun basikal-basikal tradisional. Jadi pelbagai aktiviti perekonomian dapat kitani lihat daripada inisiatif ini.

Mengenai Panggung Bolkiah, aset ini adalah kepunyaan orang persendirian (*private*). Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di bawah Jawatankuasa Perancangan Bandar Seri Begawan dan Kampung Air kita telah pun mengeluarkan permintaan (*request*) cadangan (*proposal*) kalau tidak silap dalam bulan Februari bagi 3 buah bangunan iaitu Bangunan APTK atau dulu dikenali sebagai Rumah Rehat (*Rest house*), Bangunan Bumiputera dan juga Bangunan Letak Kereta Betingkat. Ketiga-tiga bangunan ini dipakej untuk dimajukan oleh pemaju-pemaju. Kalau tidak silap tarikh tutup permintaan (*request*) cadangan (*proposal*) ini adalah bulan April. Jadi kita akan menunggu apakah reaksi daripada pemaju-pemaju kitani. Pemaju bukan saja di Brunei tetapi juga pemaju-pemaju dari luar negeri.

Mengenai visa untuk orang *ICI* perkara ini ada 2 perkara yang berkaitan:-

1. Penduduk Tetap pada masa ini sebagaimana dipaparkan untuk makluman orang ramai kalau pergi ke Jabatan Imigresen ada

17 kategori yang sedang diteliti untuk diperkemas lagi untuk menentukan kriteria-kriteria sebelum perkara ini dapat dilaksanakan penelitian ini sudah sampai ke peringkat akhir (*final stage*); dan

2. Jadi dengan *PR* itu, salah satu daripada syarat yang membolehkan mereka itu nanti mendapatkan kerakyatan dan mengenai kerakyatan ini dikawal oleh Akta dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan Penggal 15 yang mempunyai kategori-kategori tertentu. Itu saja yang dapat kaola maklumkan secara keseluruhan (*general*), terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera. Kaola akan menyampaikan Tajuk SE01A-Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Tajuk SE12A - Jabatan Bomba Dan Penyelamat. Sebelumnya kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menyediakan beberapa prosedur dan merangka strategik demi kesejahteraan rakyat dan orang ramai serta untuk meningkatkan lagi institusi mukim dan kampung dalam menyediakan prasarana untuk

kesejahteraan rakyat dalam menuju dan mencapai ke Wawasan Brunei 2035 maka sekali lagi kaola ucapkan tahniah.

Kaola terus saja kepada Tajuk di atas yang kaola ingin sampaikan dan menyambung dan menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi yang dalam menyuarakan Program Bandarku Ceria. Program ini bukan saja telah mengaktifkan aktiviti masyarakat seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi menggalakkan masyarakat berbasikal dan berjoging malah ia juga dapat menghidupkan semula suasana Bandar Seri Begawan pada hujung minggu dan secara langsung telah menyediakan *platform* bagi perniagaan kecil dan sederhana.

Soalan kaola:-

1. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merancang untuk mengekshakan peruntukan khusus bagi mengembangluaskan lagi program ini?;
2. Kaola mencadangkan supaya program ini mungkin dapat dilaratkan ke daerah lain. Ini untuk memberi ruang kepada peniaga-peniaga di daerah lain sama-sama mendapat hasil daripada program seumpama ini; dan
3. Seperti yang kaola maklum, sesiapa yang ikut serta berniaga di Bandarku Ceria ini mereka perlu mem*booking* petak-petak perniagaan seawal-awal hari Jumaat dengan menandakan petak tersebut menggunakan tali

penanda dan sebagainya. Mungkin pihak kementerian yang berkenaan memikirkan cara penempahan petak yang lebih baik sebagai contoh *online booking*.

Seterusnya kaola ingin menyampaikan Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Memandangkan pada masa ini kita terdedah dengan cuaca yang tidak menentu seperti hujan lebat berterusan yang boleh mengakibatkan bencana alam seperti banjir, tanah susur, hakisan pantai, musibah berskala kecil seperti pokok tumbang dan sebagainya. Adakah pihak Bomba dan Penyelamat akan menyediakan peruntukan dikhususkan bagi bantuan-bantuan menyelamat dan kerja perlindungan segera seperti bantuan pemotongan pokok tumbang ke rumah persendirian, menyediakan kanvas keselamatan bagi mengelakkan tanah susur atau hakisan pantai? Seperti yang kaola tahu kebelakangan ini bantuan segera yang disebabkan bencana dikurangkan.

Justeru apa kiranya jika kerja-kerja bantuan seperti kaola sebutkan tadi dapat diberikan peruntukan semula bagi sama-sama membantu penduduk yang menerima musibah bencana. Sekian itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang telah mengutarakan 3 perkara.

1. Mengenai Bandarku Ceria yang dikira sebagai satu platform untuk peniaga kecil dan sederhana. Kita pada masa ini di Bandarku Ceria bukan saja yang pada awalnya dulu menentukan masa perniagaan sehingga pukul 12.00 tengah hari tapi sekarang kita berikan peluang kepada mereka untuk berniaga sehingga petang;
2. Kita juga di kementerian telah pun berbincang dengan Pengerusi Lembaga Bandaran dan juga Pegawai-Pegawai Daerah. Pegawai-Pegawai Daerah Tutong, Belait dan Temburong akan mengangkat inisiatif ini di daerah masing-masing;
3. Mengenai pengagihan petak. Perkara ini sedang diselaraskan oleh Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan dan petak-petak ini akan diberikan nombor dan peniaga-peniaga yang berniaga di tempat ini akan dijemput pada suatu masa nanti untuk pengundian petak-petak mereka. Jadi diharap ini akan dapat memperkemaskan lagi perjalanan perniagaan mereka dengan tidak perlu untuk membuat penempahan dengan cara mereka tersendiri sehari sebelum hari Ahad; dan
4. Mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sememangnya pihak Bomba dan Penyelamat bersama-sama agensi-agensi dalam kerajaan bekerjasama untuk menangani apa jua bencana yang terjadi. Ini diangkat oleh *National Disaster Management Center (NDMC)* sekiranya skala bencana itu menjadi

besar. Pada lazimnya kalau misalnya ada kejadian tanah runtuh maka pihak Bomba dan Penyelamat akan terus menghubungi *counterpart* mereka di Kementerian Pembangunan dan juga pihak Polis Diraja Brunei untuk sama-sama menangani masalah sedemikian. Dalam kejadian pada tahun lepas berlakunya hujan lebat mereka terus datang ke tempat kejadian membawa kanvas dan membuat apa juga tindakan-tindakan yang diperlukan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Jabatan Bomba dan Penyelamat dan agensi-agensi yang berkenaan akan terus mengambil tindakan apabila terjadi sesuatu kejadian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menambah penerangan kaola mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad iaitu mengenai Sijil Pengenalan atau *Certificate Identity* Negara Brunei Darussalam. Ia sebenarnya adalah dokumen perjalanan ataupun *travel document* yang dikeluarkan oleh kerajaan negara ini kepada 2 kategori Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam iaitu:-

1. Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai sebarang status kerakyatan mana-mana negara; dan
2. Penduduk yang menetap di negara ini yang belum mempunyai status sama ada

sebagai Warganegara atau Penduduk Tetap negara ini atau biasa disebut sebagai *stateless*.

Jadi bagi mana-mana pemegang dokumen Sijil Pengenalan yang kaola sebutkan itu kemasukan semula ke Negara Brunei Darussalam dijamin atau *diassured* selagi masih sah tempoh atau *validity* dokumen berkenaan dan juga visa masuk semula bagi kategori yang menetap di negara ini yang *stateless* tadi. Maklumat tambahan bagi pemegang dokumen ini bagi kategori penduduk yang menetap di negara ini yang *stateless*, pihak Jabatan Imigresen akan menggariskan perkataan *Nationality Permanent Resident of Brunei Darussalam* pada muka surat biodata dokumen berkenaan bagi membezakan pemegang dalam kategori ini. Barangkali kalau kemusykilan itu nanti Yang Berhormat mungkin akan dapat diterangkan bersama-sama sebab untuk memahamkan *complicated* sedikit *even* kategori *stateless* itu macam-macam dalam konteks kitani. Mungkin dalam masa ini susah bagi kaola untuk menerangkan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan Salam Sejahtera. Lebih dahulu merakamkan ucapan

penghargaan dan terima kasih serta tahniah atas mukadimah yang jelas serta terperinci yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pertama sekali kaola bercakap mengenai Tajuk SE01A - Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:-

1. Cadangan mengenai Memperkasakan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung. Dipohonkan program kursus iaitu dengan memberi bengkel atau kursus kepimpinan dalam kalangan Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang lebih efektif dan mesra pengguna yang mudah dan senang difahami terutama yang berkemahiran berkenaan dengan tugas serta tanggungjawab sebagai ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang dapat memberikan maklumat tentang peluang-peluang yang ada dalam kemasyarakatan perekonomian, pendidikan dan sebagainya;
2. Kalau boleh mewujudkan beberapa program yang dapat memberikan peluang kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk menjalin kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan terutama sekali dalam membantu menggerakkan aktiviti-aktiviti yang mampu meningkatkan keupayaan dalam bidang perekonomian, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat; dan

3. Kalau boleh memberi kursus yang melibatkan komuniti dalam pengurusan dan perkhidmatan secara menjalin kerjasama dengan *stakeholder* yang berkenaan iaitu bagi mempertingkatkan kesedaran diri dan mempertahankan integriti dan ketelusan dalam pengurusan, mewujudkan rangkaian niaga dengan perusahaan tempatan selain menghormati warisan sejarah dan kesenian dan kebudayaan juga menjaga alam sekitar bagi memperkasakan kualiti perkhidmatan tetamu dan pelawat.

Yang Berhormat Pengerusi Tajuk Yang Kedua iaitu Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Bangunan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Tutong merupakan bangunan lama iaitu bekas rumah penginapan pegawai-pegawai kerajaan.

Bangunan ini keadaan ruang dalamnya yang sempit kerana dibahagikan kepada beberapa bilik pegawai dan kakitangan yang bertugas. Ia memuatkan bilik-bilik membuat kad pengenalan, pasport, surat beranak dan mati, mesin pencetak dan peralatan pejabat seperti kerusi, meja dan almari termasuk ruang menunggu yang sempit sehingga ada antaranya pelanggan ataupun orang ramai terpaksa menunggu di luar. Selain itu tempat letak kereta juga terhad.

Oleh itu dicadangkan supaya jika ada peluang, supaya bangunan jabatan ini dinaiktarafkan. Selain daripada itu di *highlight* kan juga. Adanya keluhan orang ramai yang berurusan di jabatan

ini iaitu sistem, nombor giliran yang terhad di sebelah pagi dan petang. Sehingga menyebabkan orang ramai yang berurusan berulang-alik datang kerana tidak memperolehi nombor giliran. Ini menjadi masalah terutamanya bagi orang yang tinggal jauh ataupun di pedalaman.

Apa kiranya pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan memberi sikap bertolak ansur terutama sekali hal-hal yang mempunyai *special case* jadi orang-orang berkenaan dilaksanakan urusannya. Walaupun habis nombor giliran jika masih ada masa.

Yang akhir Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Apa yang dimaklumkan kepada kaola keramaian anggota Bomba dan penyelamat yang telah berkhidmat lama adalah lebih kurang 300 orang. Ada di antaranya sudah melebihi umur 55 tahun sekarang ini dan masih bertugas dan apabila bersara kelak mereka ini tidak mendapat pencen perkhidmatan. Berbeza dengan anggota terdahulu yang telah bersara mempunyai pencen perkhidmatan. Dicadangkanlah anggota Bomba dan Penyelamat yang sekarang ini berharap mendapatkan pencen perkhidmatan seperti mana anggota beruniform yang lain dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola untuk menjawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Minta maaf, Yang Berhormat ingin menjawab soalan tadi. Soalan itu terlalu panjang. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Kaola berusaha untuk menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi. Cadangan untuk Memperkasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Menerusi ini *Capacity building* menerusi kursus-kursus kepimpinan yang boleh menjelaskan tugas, tanggungjawab selaku Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan mewujudkan peluang bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini menjalin kerjasama dengan berbagai-bagai pihak untuk membantu meningkatkan keupayaan mereka dan juga kursus-kursus pengurusan dan perkhidmatan yang meliputi berbagai-bagai perkara yang dicadangkan tadi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ini merupakan satu cadangan yang baik dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan bekerjasama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan atau mengendalikan kursus-kursus kepimpinan ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** bila sudah terlaksana kursus ini kita mengharapkan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung akan dapat bergiat dengan lebih aktif lagi.

Kedua mengenai Imigresen. Mengenai rumah-rumah penginapan pegawai terima kasih kerana membawa perkara ini ia akan diteliti dan mengenai ruang-ruang bekerja juga akan diteliti.

Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai keluhan orang ramai yang berkaitan dengan sistem nombor giliran di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah pun meneliti statistik atau trend orang ramai yang datang ke jabatan ini bagi tujuan untuk membuat pasport, membuat atau memperbaharui kad pengenalan dan sebagainya. Bagi membuat pasport sahaja, apa yang abiskaola perhatikan trendnya ialah permohonan pasport akan meningkat apabila sampai musim cuti persekolahan. Misalnya, cuti sekolah bulan Mac ini nanti ramai yang datang, dan kemudian cuti persekolahan bulan Julai, September dan yang paling tinggi nanti ialah bulan November.

Bagi tujuan ini, kita telah pun membuat beberapa langkah. Sebelum ini, memang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah pun membuka waktu permohonan membuat pasport pada hari Jumaat, untuk memberikan peluang kepada orang ramai datang berurusan. Tetapi mulai bulan Mac ini, kita telah pun membuat *pre-book option*, ertinya orang yang menempah tarikh dan waktu dengan lebih awal dan tidak perlu lagi menunggu giliran di sana. Dengan tempahan tarikh dan waktu tersebut, mereka boleh datang ke sana pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan. Kita

juga akan menambah kaunter-kaunter pendaftaran.

Dalam hubungan ini, maklumat yang ada berjalan pada masa ini, ada aplikasi yang boleh dimuat turun dalam *whatsapp*. Di samping itu juga, menyediakan lorong-lorong tertentu iaitu *fast track* yang disediakan bagi warga emas, kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah dan mereka yang memohon pasport rasmi atau pasport diplomatik dan sebagainya. Perkara ini sedang ditangani oleh pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jika sistem *computerization* akan terlaksana, ia akan lebih memudahkan lagi kerana permohonan pasport dirancang untuk boleh dibuat secara *online* dan pengambilan pasport juga boleh dibuat daripada mesin tersebut, bagi permohonan jangka jauh.

Mengenai Pasukan Bomba dan Penyelamat, apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ialah berkaitan dengan skim perkhidmatan. Kaola tidaklah dapat menjawab di sini, Yang Berhormat Pengerusi, tetapi akan menelitinya kerana pemindahan skim perkhidmatan daripada skim berpencen kepada skim Tabung Amanah Pekerja itu telah berjalan pada suatu waktu dulu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun sedang meneliti Rang Belanjawan secara satu-persatu iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi saya nampak bahawa soalan-soalan yang dikemukakan adalah *scheming* mengenai

perkara-perkara am dan tidak ada banyak spesifik mengenai bajet yang kita lihat, oleh itu kita sekarang mempertimbangkan bajet. Perhatian kita, saya kira haruslah tumpukan kepada bajet yang di hadapan kita, dan nampak kita itu meneliti bajet yang telah pun kita edarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Walau macam manapun, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang disampaikan tadi, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada sedikit perkara yang akan dibawakan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola menyentuh mengenai *cottage industry* atau peniaga-peniaga yang ada di mukim-mukim dan di kampung-kampung di seluruh Negara Brunei Darussalam. Seperti yang kaola lihat, Yang Berhormat Pengerusi, usaha-usaha yang dibuat di kampung-kampung itu seperti produk-produk yang dibuat secara *cottage*, yang dibuat di rumah-rumah itu, nampaknya akan dapat memberikan sumbangan kepada ekonomi negara.

Banyak aduan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha itu, yang mengatakan bahawa susah untuk maju disebabkan oleh beberapa perkara. Perkara ini pernah kaola bawa dalam sesi muzakarah dengan Kementerian

Hal Ehwal Ugama, iaitu dari segi kehalalan produknya. الْحَمْدُ لِلَّهِ pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa dari segi kehalalan produk, tidak ada masalah tetapi harus jua dirujuk kepada pihak Kementerian Kesihatan mengenai dari segi kebersihan dan kesucian produk.

Perkara itu juga telah kaola bawa kepada pihak Kementerian Kesihatan, dan الْحَمْدُ لِلَّهِ Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyambut baik perkara ini dan kaola merasa untuk memaklumkan bahawa kitani sendiri juga tidak mengabaikan dari segi kesihatan tentang *food security* di negara ini.

Apa yang kaola mahukan itu, Yang Berhormat Pengerusi, ialah jika dapat pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, kerana pengusaha-pengusaha ini kadang-kadang berada di kampung-kampung pedalaman, supaya akan dapat menjadi pemangkin agar dapat diselesaikan, dan mereka ini akan dapat berniaga. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ generasi akan datang nanti akan dapat memperjuangkannya lagi supaya hasil-hasil kitani yang lama itu seperti kueh-kuehan tidak akan hilang daripada mata kitani, agar ia akan dapat bersambung dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan menjadi satu perniagaan yang besar pada satu ketika nanti.

Perkara kedua, Yang Berhormat Pengerusi, kaola cuba memendekkan ialah mengenai visa pelancong kerana kaola terlibat dalam perkara ini. الْحَمْدُ لِلَّهِ nampaknya banyak pelancong dari luar yang lebih rancak sekali ialah pelancong

dari China. Informasi yang baharu kaola terima players industri ini mengatakan akan *charter* kapal terbang dari China ke Brunei dan ke Labuan (Malaysia).

Jadi, timbul pada masa ini ialah barangkali mengenai *multiple visa*. Yang Berhormat Pengerusi, kalau visa itu mungkin susah untuk dibuat tetapi perlu dibuat jua kerana kalau perjalanannya melalui Labuan, tambangnya \$100.00 lebih satu penerbangan mungkin kapasiti Terminal tidak dapat menampung kehadiran mereka, kalau sekiranya ia dapat diatasi, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan lancar dan target Kementerian Perindustrian dan Pelancongan untuk mencapai kepada 450,000 pelancong pada 2020 akan terlaksana.

Mengenai insurans *workman compensation* (pekerja). Insurans pekerja ini, ia hanya meliputi 8 jam waktu bekerja. Jadi masalah timbul yang kadang-kadang kemalangan itu berlaku selepas waktu bekerja seperti meninggal dunia dan sebagainya akan membebaskan majikan. Adakah insurans itu boleh ditukar kepada misalnya insurans nyawa yang boleh *cover* 24 jam? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Mengenai perkara pertama *cottage industry*. Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah kehalalan. Kalau *cottage industry* yang

beroperasi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri biasa kita sebut sebagai produk-produk dari Program Satu Kampung Satu Produk.

Dalam hubungan ini, kita selalu menasihatkan pengusaha-pengusaha 1K1P ini (Satu Kampung Satu Produk) juga untuk memohon *Certificate* Halal di Brunei Darussalam ini bagi produk-produk makanan mereka. Sebahagiannya sudah berusaha dan sebahagiannya belum.

Kita menaruh simpati juga kepada mereka yang berada di kawasan yang jauh dari Bandar Seri Begawan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Bahagian Satu Kampung Satu Produk dan juga pegawai Daerah berusaha untuk membantu mereka ini. Kalau turun naik ke Bandar Seri Begawan menguruskan permohonan ini tertinggal jua aktiviti pembuatan makanan mereka. Ini dalam perhatian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kita menggalakkan dan berusaha mem*facilitate*, membantu mereka ini untuk mendapatkan Sijil Halal ini.

Mengenai pelancongan ini, الْحَمْدُ لِلَّهِ berkat kerjasama antara beberapa kementerian yang bertanggungjawab, kita juga mem*facilitate* kelancaran ketibaan pelancong-pelancong luar negeri. Khusus bagi pelancong dari China ini, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang menyokong bagi mempercepatkan pengeluaran visa bagi pelancong-pelancong dari China, yang dahulunya

visa ini mereka dapatkan terlebih dahulu sebelum mereka bertolak dari China. Jadi, sekarang ini telah pun di*improve*, kita telah memberikan *visa on arrival*.

Kalau ada pengusaha-pengusaha pelancongan yang akan membawa ramai bilangan pelancong ini, barangkali bolehlah memaklumkan kepada pihak berkenaan di Jabatan Imigresen bagi melancarkan perjalanannya terutama apabila mereka ini akan tiba bukannya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas tetapi melalui Labuan (Malaysia) ini, maka fasiliti yang pada masa ini dibuat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Pakej Insurans. Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat. Perkara ini dapat dirundingkan dengan pihak Insurans Takaful, tetapi implikasinya dari segi kos dan sebagainya juga terpaksa kita perhatikan. *Coverage* 8 jam barangkali akan mengenakan bayaran tertentu dan *24 hours coverage* mungkin juga akan mengenakan bayaran tertentu. Perkara ini kita ambil baik dan perkara yang boleh kita teroka bersama-sama dengan syarikat-syarikat insurans dan takaful nanti, iaitu Persatuan Takaful dan Insurans. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sukacita kaola ingin menghadapi persoalan dalam Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria terdapat 2 pekan iaitu Kuala Belait dan Seria yang sudah lama wujud. Semoga kedua-dua pekan ini akan terus membangun dan layak untuk diiktiraf sebagai bertaraf bandar pada tiba masanya yang akan datang. آمين

Kaola selajur sahaja kepada persoalan yang ingin kaola hadapkan ialah permasalahan kedua-dua lingkungan kawasan bandaran ini mempunyai 2 sistem perparitan dan tali air yang wajar ditangani secara menyeluruh. Kaola berharap melalui peruntukan yang akan diluluskan akan dapat juga diperuntukkan bagi mengatasi masalah saluran dan sistem perparitan seperti setiap kali terjadinya banjir ketika musim hujan dalam kawasan sekitar perbandaran Seria dan Kuala Belait.

Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Melalui peruntukan yang dicadangkan agar dapat kaola cadangkan bagi pembinaan tempat berjaja yang kekal, lebih teratur, selesa dan menarik bagi pejaja-pejaja tradisional yang berpusat di Pekan Seria dan Pekan Kuala Belait. Pembinaan tempat berjaja yang kekal sudah tentu sebagai satu langkah perkembangan yang ditunggu oleh masyarakat di Mukim Seria dan Mukim Kuala Belait apatah lagi penjaja-penjaja tradisional di mukim tersebut. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua Yang Berhormat mengemukakan dua perkara berkaitan dengan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Perkara pertama ialah masalah perparitan dan tali air di kedua-dua Lembaga Bandaran ini. Perkara ini berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara bukannya melalui bajet peruntukan kementerian dan tempat-tempatnya telah pun dikenal pasti akan punca berlakunya banjir di kawasan-kawasan bandaran ini. Perkara ini akan diteliti tapi perbaikan secara menyeluruh tentulah akan memakan perbelanjaan yang besar. Jadi, kita melihat adanya rancangan untuk melaksanakan perkara ini menurut keutamaannya nanti.

Perkara kedua mengenai cadangan bagi pembinaan tamu yang kekal untuk penjaja-penjaja tradisional. Sebenarnya Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah pun mengenal pasti beberapa buah aset kerajaan yang pada masa ini tidak digunakan secara optimum. Salah satu contohnya ialah bekas Pasar di Seria. Sebahagiannya disewa pada masa ini oleh satu syarikat peniaga dan satu lagi masih kosong.

Bagi tujuan ini Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah pun membukakan aset ini untuk dimajukan melalui *Request For Proposal (RFP)*. Demikian juga Lembaga Bandaran sedang meneliti pasar lama dan bangunan pasar di Kuala Belait serta aset lain bagaimana ia boleh dimanfaatkan untuk membantu peniaga

dan dalam masa yang sama untuk menjana ekonomi daerah tersebut. Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri berkenaan ini telah pun menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan penuh teliti dan dengan penuh kesabaran. Saya kira saya masih lagi ada *list* yang mengandungi ramai lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bertanya dan mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dan saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu selama 15 minit bagi kita untuk berehat.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: **أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِمُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017/2018 satu persatu. Kita masih lagi membincangkan Tajuk SA01A hingga SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di hadapan saya masih lagi terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membincangkan dan membahaskan Tajuk ini. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِمُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan bercakap mengenai Tajuk SE01A.

Pertama sekali kaola ingin mengulangi bahawa pada masa ini terdapat beberapa kekosongan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang melibatkan juga Daerah Tutong. Yang Berhormat Pengerusi, kaola timbulkan kerana perkara ini perlu ditangani dengan segera kerana keberadaan ketua-ketua kampung dalam sesebuah kampung itu adalah sangat diperlukan dan ia sebagai indung dan memata-mematai termasuk isu keselamatan dan sosial dalam kampung tersebut.

Kaola mendapat maklum dan mengetahui bahawa jawatan tersebut telah pun diiklankan kepada kampung yang ada kekosongan jawatan Ketua Kampung ataupun Penghulu.

Walau bagaimanapun, jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh penduduk kampung kerana mungkin tidak memenuhi syarat-syarat dan juga tidak ada pemohon. Jadi kaola mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi kelonggaran walaupun sudah ada, mempertimbangkan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk menjalankan tugas jawatan Ketua Kampung di kampung-kampung berkenaan dengan diberikan elaun yang tertentu kerana ini setentunya akan meringankan beban

tugas Ketua Kampung yang sedia ada yang memangku jawatan berkenaan.

Ketua Kampung yang memangku jawatan tersebut terbeban untuk melaksanakan tugas bulanan khususnya mengagihkan Elaun Pencen Tua dan Elaun Kebajikan di samping hal-ehwal tugas rutin Ketua Kampung.

Kaola melihat dalam Peruntukan Kewangan Tahun 2016/2017, aktiviti perekonomian mukim dan kampung disediakan sebanyak \$450,000.00. Sementara dalam Anggaran Perbelanjaan biasa dalam Tahun Belanjawan 2017 / 2016 tidak ada diperuntukan, sedangkan peruntukan itu sangat diperlukan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mukim dan kampung, dalam kita sama-sama menyahut seruan kerajaan.

Kaola juga akan bercakap mengenai Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong dan juga Tajuk SE04A – Lembaga Bandaran Tutong. Kaola mengharapkan peruntukan yang disediakan di kedua-dua jabatan berkenaan supaya dapat digunakan sebaik mungkin.

Terutama dalam menyokong usaha kerajaan meningkatkan ekonomi Majlis Perundingan Kampung di samping kampung dan mukim, iaitu dengan menyediakan prasarana penduduk kampung, seperti jika tidak ada gerai, maka hendaklah diusahakan membangun gerai. Sekurang-kurangnya satu mukim satu gerai jualan.

Begitu juga di peringkat Jabatan Bandaran Tutong, berusaha supaya menjadikan Pekan Tutong itu pada satu

masa mungkin menjadi Bandar Tutong, dengan syarat bagaimana cara kita untuk menceriaikan Pekan Tutong supaya dikunjungi orang ramai. Maka, saya berharap ketua-ketua jabatan akan terus berusaha berkerjasama dengan penghulu dan ketua kampung menjadikan Pekan Tutong itu sentiasa dikunjungi oleh orang ramai.

Tajuk SE05A – Jabatan Buruh. Pada tahun 2014, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memperkenalkan dasar berhubung kait dengan pengambilan pekerja asing, iaitu dengan membekukan atau mengehadkan atau mengurangkan permit kerja dan kuota bagi jawatan-jawatan yang tertentu di sektor swasta bermula pada 30 Jun 2014.

Pada masa itu, keramaian pekerja asing di Negara Brunei Darussalam lebih kurang 45% daripada penduduk Negara Brunei Darussalam. Melalui dasar tersebut, yang telah dilaksanakan bertujuan mengurangkan pengangguran dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin bertanya setelah hampir tiga tahun dasar tersebut dilaksanakan, kenapakah masih ramai lagi kita melihat pekerja-pekerja asing masih diambil bekerja dalam bidang yang tidak memerlukan kepakaran? Berapakah jumlah kuota dan permit dibatalkan dan apakah jawatan tersebut telah diisi oleh anak-anak tempatan? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membawakan beberapa perkara tersebut.

1. Mengenai kekosongan jawatan Ketua Kampong dan Penghulu sama ada boleh diisi oleh Ahli Majlis Perundingan Kampung. Sebenarnya perkara ini sudah berjalan, beberapa jawatan kosong di beberapa buah kampung telah pun diisi oleh Ahli Jawatankuasa Kampung secara diberikan elaun tanggungjawab atas sokongan daripada Jawatankuasa Kampung berkenaan dan juga sokongan daripada Pegawai Daerah; dan
2. Kalau kaola faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, ialah perbelanjaan mengenai aktiviti perekonomian mukim dan kampung, yang dulunya ada \$450,000.00 di bawah Perbelanjaan Khas. Jadi, dalam bajet 2017/2018 tidak lagi ada Perbelanjaan Khas ini. Tetapi kita masih mempunyai peruntukan tersebut yang boleh dilihat dalam bajet Pejabat Daerah.

Sebagai contohnya kalau kita melihat Pejabat Daerah Brunei dan Muara dalam Institusi Mukim dan Kampung (003/00) ada Pentadbiran Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, jadi di bawah itu ada *explanation* anggaran asal perkembangan aktiviti perekonomian 1K1P mukim dan kampung. Bajet itu sebenarnya masih ada dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan

dapat digunakan bagi tujuan perekonomian itu. Demikian juga daerah-daerah lain.

3. Lembaga Bandaran Tutong, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Lembaga Bandaran. Walau bagaimanapun, mengenai cadangan gerai, kaola ingin juga mengongsikan pandangan bahawa pernah perkara ini kaola ajukan semasa mesyuarat di peringkat daerah, melihat kepada aset gerai ini, kerajaan membina gerai sekian jumlah, tetapi gerai ini hanya mengutip kutipan sewa \$5 bagi satu bangku yang tidak mencukupi untuk operasi menempatkan orang untuk membersihkan, mendapatkan orang untuk bekerja di sana sudah kadang-kadang satu atau dua orang buruh. Jadi, kaola berharap Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dapat mencontohi apa yang dibuat oleh Majlis Perundingan Kampung Belimbing, Subok mereka mengusahakan gerainya sendiri, membina gerai itu dan menyewakannya dan sewanya dalaman anggaran atau pendapatan yang boleh menampung perbelanjaan operasi gerai itu malahan untungnya lagi yang dapat mereka gunakan untuk tujuan membersihkan kampung dan mukim.

Jadi ini satu perkara yang harus kita lihat dari perspektif lain yang boleh diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan tidak langsung bergantung pada pihak kerajaan.

Mengenai pengambilan pekerja asing, memang dulu ada dikenalkan sebagai *ratio* (nisbah) di bandar, separuh bandar dan pedalaman. Berapa *ratio* (nisbah) orang luar dan berapa *ratio* (nisbah) orang asing.

Perkara ini kita *improve* lagi dengan adanya sekarang ini Lesen Pengambilan Pekerja Asing itu secara pelaksanaannya dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** nanti bila sudah terlaksana kita masa ini dalam proses menimbangankan untuk mengenalkan *Levy*. *Levy* itu ialah satu bayaran yang ditanggung oleh syarikat bila mereka ini mengambil orang luar, berapa kos tambahan untuk mengambil orang luar.

Kita telah pun mengenal pasti apa bidang pekerjaan yang dapat dikenalkan *Levy* ini. Maka dengan cara itu akan berkurangan pengambilan pekerja asing dan memberi peluang kepada anak tempatan untuk bekerja asalkan mereka itu tidak memilih pekerjaan yang kita kenal pasti itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** **الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Merujuk kepada Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola ingin mencadangkan agar garis

panduan bagi mengadakan acara hiburan dikemaskinikan agar ia dapat membantu para penganjur terutama sekali industri kreatif dan badan-badan bukan kerajaan seperti acara-acara amal, projek-projek belia dan akar umbi dan lain-lain dapat berjalan dengan lebih teratur.

Ini disebabkan masih ramai penganjur yang belum memahami garis panduan tersebut dan perlu membatalkan acara disebabkan tidak mendapat kebenaran. Disamping itu, dengan mengemaskinikan garis panduan tersebut diharap akan dapat memendekkan proses mendapat jawapan bagi permohonan hiburan awam.

Cadangan tambahan kaola ialah untuk membolehkan permohonan dibuat secara *online* terutama sekali bagi penganjur yang sering membuat acara bagi memudahkan permohonan dan juga bagi keperluan *checking* seperti untuk Laporan Kunci Kira-Kira.

Kedua, merujuk kepada Tajuk SE10A. Kaola ingin mencadangkan agar pendaftaran kerajaan akan dapat dikaitkan dengan pengkalan *data base* seperti JPKE dan Kementerian Kesihatan agar ini dapat memudahkan proses permohonan bagi khidmat kerajaan dan juga memudahkan pihak kerajaan untuk mengemaskini maklumat rakyat dan Penduduk Tetap. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Pertama mengenai acara-acara hiburan supaya ada peraturan-peraturan, prosedur-prosedur mengenai permohonan ini dapatlah dikemaskinikan bagi memudahkan para penganjur tidak akan membatalkan kerana tidak diberikan kebenaran.

Perkara ini telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat semasa Majlis Muzakarah bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kita akan meneliti perkara ini dan memberikan maklumat ini lebih awal dan tatacara-tatacara permohonan untuk melaksanakan aturcara-aturcara seperti ini.

Cadangan kedua ialah cadangan yang baik iaitu mengintegrasikan data-data dari pendaftaran kebangsaan, JPKE dan Kementerian Kesihatan sebagaimana juga praktis yang berlaku di beberapa negara yang kita hanya membawa satu kad bagi tujuan ini.

Ini adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian dan oleh kerana ia *inter-agency*, berbagai-bagai kementerian yang bertanggungjawab, kita akan membawa perhatian kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensinya berkenaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terlebih dahulu terima kasih atas mukadimah dan pemberitaan secara proaktif yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di bawah Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong. Kaola merujuk kepada Code 003000 Perusahaan dan Pelesenan. Kaola perhatikan bahawa ada anggaran perbelanjaan yang meningkat dari Tahun Kewangan 2016/2017 daripada Tahun Kewangan 2017/2018 dan di manakah fokus peningkatan perbelanjaan ini?

Kedua, kaola ingin memberi cadangan bahawa dapatkah kos perbelanjaan penguatkuasaan tempat meletak kereta boleh dikongsi secara *PPP*. Dari cara untuk meluaskan sistem pembayaran bagi tempat letak kereta yang kawasan komersial yang dimiliki oleh pemilik swasta. Perkongsian cara pembayaran kawasan komersial ini juga boleh menjadi hasil yang boleh dikongsi antara Jabatan Bandaran dan pemilik persendirian. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai kenaikan itu nanti akan kaola jelaskan terpaksa kaola meneliti bajet ini. Cadangan mengenai kawalan letak-letak kereta di kawasan komersial ini adalah satu cadangan yang baik. Pada masa ini pun Lembaga Bandaran sedang meneliti akan kaedah kawalan letak-letak kereta

di kawasan bandaran ini, jadi perkara itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Pertama, kaola juga ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam sebentar tadi.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merujuk kepada jerayawara yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2012. Pada tahun berkenaan dengan *ezoning* bahawa perkara ini adalah sebagai usaha dan inisiatif kementerian bagi memperkesakan lagi tahap pemedulian rakyat dan penduduk di mukim dan kampung dan bagi meningkatkan keberkesanan usaha pengurusan dan pentadbiran mukim dan kampung serta untuk menyeimbangkan tugas dan tanggungjawab penghulu dan ketua kampung di negara ini dengan berpandukan keramaian penduduk sesebuah mukim dan kampung.

Sehubungan dengan itu, sukacita mengetahui kedudukan dan perkembangan cadangan *rezoning* tersebut.

Kedua, kaola berpindah ke Tajuk SE06A – Pejabat Daerah Brunei Muara di bawah 003/003 Dewan Kemasyarakatan Mukim dan Kampung. Mukim Kota Batu mempunyai keluasan 5649.28 hektar dan mempunyai 15 buah kampung di bawahnya dengan keramaian penduduk sejumlah kurang lebih 18,052 orang. Mukim Kota Batu juga telah menubuhkan Majlis Perundingan Mukim.

Majlis Perundingan Mukim ini mempunyai rancangan dan aktiviti sepanjang tahun seperti aktiviti kebajikan, keagamaan, sukan, kemasyarakatan dan acara lain. Apa yang menjadi masalah kepada Majlis Perundingan Mukim adalah tempat bagi mengadakan acara tersebut.

Oleh itu besarlah harapan Mukim Kota Batu supaya pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat memperuntukkan sebuah Dewan Serba Guna atau Dewan Masyarakat bagi memudahkan apa jua aktiviti dan acara-acara mukim pada masa mendatang. Begitu juga halnya dengan Mukim Kota Batu, Mukim Tamoi yang mempunyai 7 buah kampung yang di bawahnya dengan keramaian penduduknya kurang lebih 1,600 orang juga memohon sebuah Dewan Serba Guna dan Masyarakat bagi keperluan penduduk kampung dan mukim di mukim tersebut. Itu sahaja barangkali yang dapat kaola bahaskan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang

Naim bin Haji Khamis mengenai jerayawara 2012 *rezoning* kampung-kampung mukim-mukim. Perkara ini masih lagi diteliti kerana ada diantara kampung ini sudah bertambah kecil. Bukan sahaja saiznya kecil malah penduduknya pun menjadi kecil.

Ia memerlukan penelitian yang lanjut bagaimana kitani akan *merzone* kampung-kampung berkenaan dan bagaimana kitani akan dapat menggunakan tenaga yang ada, tenaga sebagai Ketua Kampung, Penghulu di tempat-tempat tersebut meng*optimize* apabila rancangan itu berjalan. Ini membawa implikasi yang tertentu yang sedang diteliti pada masa ini.

Perkara kedua mengenai Dewan Masyarakat ataupun Dewan Serba Guna. Walaupun dewan ini sebenarnya pada dasarnya suatu yang baik untuk masalah kampung dan mukim tetapi haruslah kitani lihat dalam keadaan ekonomi kitani pada masa ini dan juga secara rasionalnya juga adakah perlu kitani lagi menambah aset ini kerana kalau kita menggunakan pendekatan *whole nation approach* atau *whole government approach*, kita juga mempunyai aset-aset tertentu dalam kerajaan yang terletak di dalam kawasan mukim dan kampung yang boleh digunakan tanpa perlunya dahulu membina Dewan Masyarakat atau Dewan Serba Guna contohnya barangkali dewan sekolah.

Tentulah beberapa sekolah ada dan penggunaan ini kaola kira bukanlah sepanjang hari, ia juga bermusim.

Perkara ini perlulah kitani barangkali *merasionalize* dulu apa lagi dalam keadaan ekonomi kitani pada masa ini.

Walaupun perkara ini perkara yang baik pada dasarnya, jadi kaola cadangkan kepada penduduk mukim dan kampung untuk memanfaatkan, berunding dengan rakan *stakeholders* di mukim dan kampung dengan cara itu jua akan mengeratkan hubungan kitani, hubungan antara penduduk kampung dengan sekolah, penduduk kampung dengan institusi masjid dan sebagainya.

Kaola rasa pendekatan kitani pada masa ini selaras dengan tema belanjawan kitani ialah memanfaatkan aset-aset yang ada dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam memajukan negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Pada permulaan hujah kaola, kalau hendak petik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 September 2010

di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1431 bersamaan 2010 di Pusat Persidangan Antarabangsa yang kaola petik sebahagiannya:

"...Peraturan dan undang-undang adalah jiwa kepada masyarakat. Tanpa peraturan dan undang-undang, masyarakat akan lemah dan tidak dihormati. Oleh itu, jentera penguatkuasaan mestilah kuat, tidak boleh lemah kerana jika ia lemah negara dan masyarakat akan terjejas teruk."

Ertinya kaola membawa titah ini bukan bererti penguatkuasaan pada masa ini lemah tetapi mungkin akan boleh diperbaiki lagi. Negara Brunei Darussalam ibarat rumah kita, marilah sama-sama kita mencari solusi untuk mengatasi apa jua masalah. Kita cari punca masalah, kita hurai bersama. Jangan ada perbezaan antara kita, bersatu untuk membangun negara kita rakyat Brunei Darussalam. Brunei rumah kita, kita makan isinya jangan sekadar kuahnya. Kita rintis hala tuju generasi masa depan kita. Buat baik berpada-pada, bukan yang mendatang disusukan, sepatutnya anak dipangkuan kita susukan. Brunei rumah kita, bukan yang mendatang mencari makan secara berleluasa, angkat rakyat kita menguasai sumber ekonomi kita.

Jangan biarkan istilah, *Little India* di Sengkurong berpanjangan, jangan biarkan kira-kira lebih 380 premis peruncitan dikuasai oleh kaum pendatang, jangan biarkan pasar borong dikuasai kaum pendatang, jangan biarkan tapak pertanian bertumpukan

menjadi kaum pendatang. Mereka tersebut di atas boleh dikatakan menguasai 80% perniagaan. Kita sukar membuktikan, maka tiada cara tiada usaha melainkan kita gunakan istilah *political wheel* untuk menjaga rumah kita.

Marilah kita lindungi kepentingan rakyat Brunei yang menghuni Brunei sejak zaman berzaman. Kita sekat budaya rasuah memasuki ruang kehidupan kita. Jangan biarkan budaya hiburan yang melampau ke dalam masyarakat kita. Jangan biarkan penghijrahan berkeluarga kaum pendatang ada yang hanya tukang gunting pun membawa anak isteri. Ini nampak satu penghijrahan.

Kaola ingin memohon dan mencadangkan supaya pemotongan rumput di bahu jalan raya diberikan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung memohon kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kementerian-kementerian berkenaan. Bayaran atau upah yang diberikan kepada syarikat-syarikat pemotong rumput yang ada, dikuasai oleh kaum pendatang. Ini boleh memberi peluang pekerjaan atau peluang cari makan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya telah pun menyatakan bahawa kita sekarang sedang merundingkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri satu persatu dan sebagaimana yang kita ketahui Ahli Yang Berhormat telah pun

saya beri peluang untuk bercakap mengenai Rang Undang-Undang ini apabila ia dibaca bagi kali yang pertama dan yang kedua yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Pada waktu itu, tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu berhujah. Sekarang, kita meneliti secara detail belanjawan yang dikemukakan oleh kementerian-kementerian. Saya harap apa jua semangat yang meluap-luap itu haruslah dikeluarkan pada tempatnya dan waktu ini kita juga bersidang dalam Jawatankuasa. Saya juga telah memberikan peluang bagi Ahli Yang Berhormat baik yang di sebelah kiri mahupun di sebelah kanan untuk berucap semasa kita membincangkan Usul Menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Waktu itu, hanya segelintir sahaja yang mahu berucap. Saya kira di situlah, tempat itulah bagi Ahli Yang Berhormat untuk meluahkan apa jua soalan masing-masing untuk berucap.

Pada waktu ini, gunakanlah waktu kita untuk melihat belanjawan yang kita kemukakan ini secara *detail* supaya ia akan dapat kita luluskan dan perjalanan kerajaan kita akan dapat menjadi lancar disebabkan bajet kita akan mula pada 1 April 2017 ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi. Ada satu peruntukan yang akan

dipohonkan dalam ucapan kaola ini dibenarkan lagi?

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang mahu bertanya ataupun mahu berucap?

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Memohon peruntukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon supaya peruntukan Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi pembinaan satu bangunan *centralised* bagi peniaga-peniaga di bahu jalan Lebu Raya Tungku/Jerudong dekat Jeruton Hotel. Dengan adanya bangunan atau *centralised* ini peniaga-peniaga akan dapat berniaga secara lebih teratur. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sendiri juga susah untuk memahami soalan pertama itu. Barangkali ia berkaitan dengan pendatang-pendatang luar negeri yang bekerja di negara ini. Perkara ini sebagaimana yang kaola sudah terangkan bila kaola menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Awang Haji Abdul Rahim.

Apa yang akan kaola sampaikan dan kongsi bahawa kesalahan-kesalahan perburuhan. Majikan menggaji pekerja asing tanpa Lesen Buruh iaitu

satu kesalahan yang didapati pada masa ini. Penempatan pekerja tidak mengikut seperti kebenaran Lesen Bab 86, melanggar Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Bab 10, penyalahgunaan jawatan, pembantu rumahtangga (amah) terlibat dalam perniagaan, perusahaan bertentangan seperti kebenaran perusahaan dalam lesen yang berkenaan. Jadi, tanyalah diri kitani sendiri, adakah penguat kuasa sudah mengenal pasti kesalahan ini atau siapa yang melakukannya. Inilah yang diperlukan sebagai *a whole of nation approach* kalau kitani mempunyai semangat yang berkobar-kobar.

Perkara mengenai pemotongan rumput dan sebagainya ini melibatkan banyak kementerian. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, kalau kaola tidak silap boleh ikut dalam *tender* untuk pemotongan rumput ini dan pernah diberikan.

Peruntukan baharu bagi Daerah Brunei dan Muara untuk peniaga lebu raya ini, kalau ia satu usul yang baharu terpaksa diteliti dan barangkali jika tidak ada bajetnya tahun ini, terpaksa kitani teliti pada satu masa yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin bercakap mengenai Tajuk SE05A. Rungutan daripada orang ramai mengenai kos mendatangkan pekerja

Pembantu Rumah Tangga yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang pada masa ini adalah mahal mencecah sehingga \$3,000.00 melalui ejen yang berdaftar di negara ini. Dicadangkan agar Jabatan Buruh akan dapat membuat pemantauan ke atas proses dan tatacara mendatangkan Pembantu Rumah Tangga dan dengan demikian bayaran majikan yang mendatangkan Pembantu Rumah Tangga tidak terbeban dengan kos yang dikawal oleh ejen-ejen dari luar negara. Adalah tidak berbaloi apabila Pembantu Rumahtangga tersebut membuat kerenah.

Bagi pengurangan mendatangkan Pembantu Rumah Tangga, kita patut memanfaatkan potensi kerjaya tersebut di negara kita ini. Sudah ada yang menceburinya dalam kalangan anak-anak muda. Diharapkan supaya mereka yang berminat untuk kerjaya tersebut diberikan bimbingan oleh jabatan yang berkenaan. Kita juga sepatutnya memperbanyakkan *baby sitter* bagi menampung keperluan keluarga yang memerlukannya. Jika ini dapat direalisasikan, sudah tentu kita dapat mengurangkan pekerja-pekerja asing. Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola kira mengenai perkara bayaran bagi mendatangkan Pembantu Rumah Tangga pernah dibangkitkan dahulu dan perkara ini memang diteliti oleh Jabatan Buruh, malah kitani juga sedang berusaha mengadakan perundingan

dengan pihak-pihak tertentu, bagaimana cara kita untuk *protect* majikan disini dan orang ramai daripada pembayaran yang tinggi itu. Jadi, perkara ini masih dalam penelitian Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola menghargai dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola akan menyentuh mengenai Tajuk SA01A dan Tajuk SE06A.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat Pengerusi, walau bagaimanapun kaola melihat peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu sebanyak \$9,099,625.00 dalam Tajuk SE01A dan Tajuk SE06A Pejabat Daerah Brunei dan Muara الْحَمْدُ لِلّٰهِ sebanyak \$11,996,380.00. Mukim Serasa sebenarnya Dewan Serba Guna belum dibina. Dewan ini kebanyakannya dibina di daerah Brunei dan Muara namun Mukim Serasa belum mempunyai Dewan Serba Guna ini. Walhal, tapak-tapak tanah telah pun lama diwartakan buat sekian lamanya bagi Mukim Serasa.

Isu Dewan ini bagi Mukim Serasa sering disuarakan oleh para penduduk kampung. Oleh yang demikian, selaku wakil Yang Berhormat dan bagi seluruh penduduk Mukim Serasa dipohonkan

kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya akan dapat memberikan pertimbangan bagi menyokong supaya pembinaan Dewan Serba Guna bagi Mukim Serasa dapat dimasukkan ke dalam Projek Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang.

Perkara yang kedua, kaola ingin menyentuh ialah Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara mengenai dengan prasarana. Prasarana awam di kawasan Muara masih terabai dan tidak digunakan sepenuhnya. Kemudahan ini adalah seperti bangunan pasar iaitu Pasar Aneka Ria.

Oleh yang demikian, kaola ingin mencadangkan supaya bangunan pasar tersebut akan diubah bentuk dan keadaannya.

Keduanya, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyesuaikan kedudukan Pasar Aneka Ria di Pekan Muara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat kerana mengutarakan tiga perkara.

Mengenai Dewan Serba Guna ini telah pun kaola jawab tadi. Galakan untuk penduduk mukim dan kampung menggunakan aset yang ada tetapi barangkali perkara ini boleh jua kita bincangkan dengan penduduk mukim dan kampung kerana kita boleh juga meneliti modaliti-modaliti yang lain yang tidak bergantung pada kerajaan.

Umpamanya melalui *PPP*, jadi ini boleh kita terokai.

Kedua, mengenai pasar raya awam. Perkara ini mesti kita bawa *stakeholders* untuk sama-sama berbincang bagi menentukan kesesuaian tempat untuk menempatkan pasar-pasar sedemikian. Jadi lagi sekali nanti kaola akan mengadakan perundingan dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman dan juga Ketua Kampung berkenaan untuk menentukan di mana dan apa yang akan kitani buat dengan aset yang ada ini. Sebagaimana kaola telah terangkan tadi, kalau macam di Seria pasar raya yang tidak digunakan itu sudah kitani keluarkan dari *proposal* untuk tujuan perekonomian. Perkara sedemikian boleh kitani buat, boleh kitani pakej dengan aset-aset yang lain dan ini memerlukan perundingan dengan penduduk kampung dan juga *stakeholders* di sana. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap mengenai Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu mengenai Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang termasuk dalam Tajuk tersebut.

Seperti mana yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri bahawa Majlis Perundingan Kampung sejak ia ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam kalau kaola tidak silap tahun 1993 menjadi sambutan masyarakat kampung di seluruh Negara Brunei Darussalam dan tertubuhlah Majlis Perundingan Kampung di tiap-tiap kampung di Negara Brunei Darussalam.

Sebahagian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu jawatankuasanya adalah terdiri daripada sebahagian kakitangan kerajaan yang sudah berpencen tetapi cuma sedikit bilangannya dari belia-belia.

Walau macam manapun, jawatankuasa tersebut telah berusaha berkerjasama dengan penduduk kampung yang pada akhir-akhir ini Majlis Perundingan Kampung telah menonjol ke hadapan dengan produk di daerah masing-masing.

Pada akhir ini, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sering dilawati oleh pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri. Maka timbullah satu masalah kepada Majlis Perundingan Kampung iaitu pemimpin-pemimpinnya yang terdiri daripada orang yang sudah tua dan sudah berpencen. Pelancong-pelancong yang datang ini menggunakan bahasa asing iaitu bahasa Inggeris.

Maka kaola berpendapat bahawa Majlis Perundingan Kampung ini perlu menyerapkan belia yang berkaliber pada masa ini. Inilah masanya kita memasukkan belia itu bertanggungjawab dengan masyarakat di kampungnya dan di mukimnya. Ini yang perlu di ketengahkan.

Dengan adanya belia ini, mereka akan bertanggungjawab bukan sahaja dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung tetapi boleh menarik masyarakat kampung itu ke berbagai-bagai kegiatan, kerana seperti yang kita ketahui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang mengalu-alukan belia ini bertanggungjawab kepada masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam ini.

Selain itu, Majlis Perundingan Kampung ini menjadi satu kemegahan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi Ahli Majlis Perundingan Kampung boleh dipilih memangku sekiranya tidak ada Ketua Kampung di dalam kampung itu. Itu satu kelebihan Majlis Perundingan Kampung dihormati oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya cadangkan supaya belia ini diserapkan dari sekarang ke Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan ingin juga pula mengetahui adakah peruntukan yang tertentu kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini, kerana jawatankuasa ini lebih bergiat lagi memajukan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

2. Tajuk SE04A – Lembaga Bandaran Tutong. Kaola difahamkan juga bahawa Lembaga Bandaran ini ada melantik jawatankuasa. Diketahui bahawa lembaga yang dilantik itu adalah terdiri daripada orang-orang yang sudah berpencen. Apa salahnya jawatankuasa itu diserapkan dengan memasukkan

belia. Kita lebih maklum bahawa belia itu berkaliber, mengetahui hal masyarakat dan juga perkembangan negara sekarang. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kaola menyambut baik akan usul ataupun cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi menyerapkan dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Tanggungjawab itu mungkin terletak kepada penghulu dan ketua kampung bagaimana mereka dengan kebijaksanaan boleh membawa belia ini menjadi Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Adalah satu fakta yang betul dikebanyakan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini dianggotai oleh orang-orang yang sudah bersara.

Adalah penting bagi orang yang bersara itu untuk mengongsikan pengalamannya sebagai orang tua-tua tetapi kita juga memerlukan penggerak dan ke arah ini mungkin kaola menghargai penyertaan belia ini di kampung Yang Berhormat iaitu di Kampung Kiudang belianya bergerak aktif, bukan sahaja di dalam kampungnya tetapi di luar kampungnya bagi menampakkan imej baik Daerah Tutong.

Sama-sama kita berusaha untuk menggalakkan para belia kita menyertai Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan cadangan untuk memasukkan belia menjadi Ahli Lembaga Bandaran itu satu

perkara yang boleh diambil perhatian.
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola ingin mengemukakan mengenai Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

1. Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung seperti yang diketahui bahawa Skim Penghulu dan Ketua Kampung ini telah pun diluluskan pada tahun 2015 bagi menggantikan skim lama 1998. Soalan kaola, adakah skim tersebut menerapkan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang sedia ada pada masa ini dari segi gaji, elaun, kenaikan pangkat, tangga gaji dan seumpamanya? Jika sudah ada diteliti maka dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin memohon penjelasan lanjut mengenainya.
2. Mengenai dengan Produk Satu Kampung Satu Produk seperti mana yang sama-sama kita dengar dari penerangan dan taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi الْحَمْدُ لِلَّهِ terdapat 76 produk dan lebih 200 produk telah pun didaftarkan. Bagi Daerah Temburong dalam peruntukan

Jabatan Daerah Temburong ada memperuntukkan perkembangan produk ekonomi dalam institusi mukim dan kampung.

Dalam hal ini, kaola ingin menyarankan jika tidak menjadi satu halangan supaya peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya dalam meningkatkan daya upaya Produk Satu Kampung Satu Produk akan dapat dipertahankan peruntutannya seperti pada tahun lepas iaitu 2016/2017, walaupun boleh dinaikkan sedikit kerana Daerah Temburong sangat memerlukan peruntukan tambahan ini, kerana masih lagi kebergantungannya kepada peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Daerah Temburong mempunyai produk-produk yang berpotensi untuk dipasarkan dan dimajukan. Kalau kita sebut sahaja Daerah Temburong sinonim dengan nama sebutan dan ia juga sudah menjadi identiti Daerah Temburong seperti Wajid Temburong, Cendol Temburong, Telur Masin Temburong, Udang Galah Temburong dan seumpamanya. Produk-produk ini walaupun dikeluarkan masih lagi secara diusahakan kecil-kecilan dan mengikut permintaan semasa.

Tapi الْحَمْدُ لِلَّهِ berkat usaha Jabatan Daerah Temburong telah pun menyediakan sebuah kedai yang diberi nama Kedai Kampung bagi Majlis

Perundingan Mukim dan Kampung dan orang ramai khususnya di daerah tersebut untuk memasarkan produk-produk kita. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun meluluskan pertubuhan tabung *SME Bank* ini dan mudah-mudahan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini serta para belia khususnya yang berminat akan dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan ini untuk berkecimpung dalam perniagaan.

Dalam memperkasakan kesejahteraan dan perpaduan rakyat peringkat kepimpinan akar umbi yang ada hubungan dengan soalan Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri walaupun disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Kaola sukacita juga ingin menambah sedikit mengenai penglibatan kepimpinan akar umbi ini supaya dapat kita perkasakan dari segi pimpinannya dan mencadangkan beberapa cadangan seperti yang berikut:-

1. Mengadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebajikan dan keagamaan dengan bekerjasama misalnya, bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan atau Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, agensi kerajaan yang lain dan syarikat-syarikat swasta. Sebenarnya kerjasama ini mengurangkan bajet

peruntukan yang sama yang diberikan;

2. Memperkasakan keberkesanan penglibatan ahli jawatankuasa seperti mana yang disarankan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dari segi keahlian, kemahiran dan keaktifan mereka termasuklah juga sumbangan dan perkhidmatan penasihat-penasihat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung supaya penasihat-penasihat ini juga terlibat sama dalam memperkasakan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Tidak kurang pentingnya juga kaola rasakan ialah dana bagi memperkasakan penglibatan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di samping memberikan inisiatif yang berupa imbuhan kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang betul-betul berusaha keras bagi memajukan kampung mereka. Sekian sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat atas beberapa perkara yang telah dikemukakan:

1. Mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu, Mukim dan Ketua Kampung 2013. Tatacara pelaksanaannya ialah pemindahan daripada jawatan lama kepada jawatan baharu. Perkara ini diteliti

oleh sebuah lembaga di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Lembaga Perjawatan Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Jadi mereka ini sedang meneliti macam mana tatacara yang sebaik-baiknya bagi melaksanakan *migration* sebabnya skim perkhidmatan baharu menurut syarat-syarat dan siapa yang memenuhi syarat itu dan siapa yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut;

2. Mengenai Satu Kampung Satu Produk, walaupun bajet Jabatan Daerah Temburong mengikut Yang Berhormat itu kemungkinan tidak mencukupi, perkara ini boleh dilihat/diteliti oleh Kementerian nanti bagaimana kita akan mengagihkannya. Apa pun rancangan yang dikemukakan oleh mukim dan kampung, sekiranya ada usul cadangan ia pada lazimnya kita kehendaki mereka itu membuat kertas kerjanya (*proposal*). Tahniah juga kepada Daerah Temburong kerana walaupun bilangan penduduk kecil dibanding dengan daerah lain tetapi mereka telah menghasilkan produk-produk yang baik. Selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita mempunyai:-

- i. *Mi Salapon*. *Mi Salapon* itu sudah pun masuk dan dibeli oleh restoran-restoran tertentu di Bandar Seri Begawan;

- ii. Kaola sendiri melihat perusahaan *ambulung* (sagu) di Kampung Batu Apoi. Oleh sebab kerana diperhatikan bahawa mesin yang mereka gunakan untuk memproses *ambulung* (sagu) itu adalah masih berbentuk lama jadi kita telah pun meminta kerjasama daripada Universiti Teknologi Brunei yang telah pun menghasilkan satu mesin baharu yang dari segi skop ataupun prespektif kesihatan mematuhinya. Jadi mesin berkenaan telah diberikan kepada penduduk Kampung Batu Apoi. Tidak juga semestinya ia datang dari penduduk kampung itu tetapi apabila kitani membuat lawatan, melihat akan kedudukan itu, kitani juga akan dapat mengajukan cadangan-cadangan macam mana menambah baik produksi (*improve production*) mereka itu. Inilah contoh-contohnya.

Mengenai dengan penyertaan akar umbi ini, semasa kursus dan sebagainya sudah kaola nyatakan tadi, kaola menyokong perkara ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan dapat kitani selaraskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:Saya persilakan yang terakhir sekali Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah Yang Berhormat. Kaola bertanya:-

1. Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mengenai dengan Kampung Air.

Semasa sesi muzakarah yang lepas bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, majoriti menekankan kepada Kampung Air sebagai salah satu tempat yang menarik bagi pelancong. Tidak dinafikan lagi Kampung Air adalah satu-satunya tempat yang sangat berpotensi. Tambahan lagi dengan siapnya nanti Jambatan Sungai Kebun dan Revitalisasi Kampung Air Zon 'A' Sungai Kedayan.

Kaola difahamkan banyak usaha-usaha terutama daripada pihak-pihak kerajaan, *NGO's* dan sukarelawan yang telah membuat langkah-langkah membersihkan perairan dan persekitaran Kampung Air. Yang sangat menyedihkan, usaha-usaha ini

sia-sia kerana isu kebersihan perairan Kampung Air masih berlaku.

Punca masalah utama ialah mindset penduduk yang tinggal di kawasan Kampung Air mahu pun yang tinggal di darat. Bila dicakapkan dengan sampah ia isu yang utama. Mahu pun diberikan kawasan pembuangan sampah utama yang terletak di kawasan jeti-jeti, masih lagi ada alasan tempat pembuangan sampah jauh dari kawasan perumahan mereka. Ada juga kes-kes orang yang ditugaskan untuk membuang sampah ke darat tetapi membuangnya ke dalam air kerana ia melimpasi had kapasiti bot.

Cadangan kaola ialah pihak kementerian bekerjasama dengan pihak *NGO's* bukan setakat membersihkan perairan Kampung Air tetapi juga dengan mewujudkan kesedaran untuk mengubah mindset iaitu dari akar umbi penduduk Kampung Air Brunei. Seperti contoh, pihak kementerian boleh bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, supaya *NGO's* diberi kebebasan mengikut kreativiti mereka sendiri untuk melaksanakan tugas-tugas memberigakan informasi, bukannya dengan secara menyimpan poster-poster tetapi dengan secara kesedaran awam (*public awareness*) dan

menggunakan cara pendekatan awam (*public outreach*) dan berdialog dengan penduduk Kampung Air.

Informasi ataupun dengan caranya diberigakan dengan berdialog tentang kesan-kesan negatif atas manusia yang tinggal dalam persekitaran yang tercemar. Ini dipohonkan kalau sekiranya dapat sokongan penuh diberikan kepada *NGO's* untuk berkolaborasi bersama kementerian dan juga sokongan kewangan daripada pihak kementerian.

Kaola ingin bertanya, adakah sekiranya aktiviti-aktiviti dari segi *public awarness* atau *public outreach* ini, ada diberi peruntukan pada tahun 2017/2018.

2. Mengenai skim Satu Kampung Satu Produk. Ada kaola melihat di dalam bajet ini, tiap-tiap daerah mempunyai peruntukan tetapi Tajuknya mungkin berlainan dari aktiviti-aktiviti. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Yang Berhormat jelaskan terdapat sebanyak 201 produk yang telah didaftarkan. Kaola percaya banyak lagi produk yang lain mempunyai potensi yang dapat dipasarkan di pasar raya tempatan.

Setelah mendengar dalam beberapa hari yang lalu, bahawa dari segi *demand* ada tetapi yang tidak cukup adalah *supply*.

Dicadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kementerian dapat menjadi penyelaras, untuk pengusaha-pengusaha kampung dapat bergabung dengan pengusaha-pengusaha kampung yang lain untuk memenuhi permintaan dan di sinilah keseluruhan pendekatan negara (*whole of nation approach*) ditekankan. Kaola juga meminta kerjasama penghulu dan ketua-ketua Kampung untuk bekerjasama mengambil peluang emas ini disebabkan platform yang sudah disediakan oleh pihak kerajaan seperti Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri mengongsikan maklumat tentang *China Asean Expo* di *Nanning* yang akan datang pada bulan September 2017. Kalau kitani lihat dari kampung-kampung, produk-produk ini melihatnya dari sektor-sektor akan dapat mengukuhkan lagi produk Brunei ini mungkin dalam masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan kerana dibagi-bagi mengikut sektor masing-masing.

Soalan terakhir mengenai Jabatan Lembaga Bandaran iaitu Penguat Kuasa Peraturan Dan Undang-Undang. Bangunan-bangunan yang terletak di bandar tidak terjaga dan akhirnya bangunan itu terbengkalai (*abandon*) kalau sekiranya dimiliki oleh kebanyakan swasta (*private lot*) ataupun dari bangunan am, menyusul pertanyaan

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai Panggung Bolkiah. Adakah Jabatan Bandaran mempunyai Penguatkuasaan ke atas pemilik bangunan dalam Akta Perbandaran (*Municipal Act.*)?. Ia adalah bidang kuasa Jabatan Bandaran untuk memantau pembisaian bandar dan memastikan integriti bangunan dalam keadaan selamat diguna pakai oleh orang ramai. Sekian Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengemukakan cadangan-cadangan dan juga pandangan mengenai Jabatan Lembaga Bandaran, 1K1P dan Penguatkuasaan.

Mengenai Jabatan Lembaga Bandaran khasnya Kampung Air sebenarnya isu kebersihan ini pada masa ini ditangani oleh satu jawatankuasa yang digelar sebagai Jawatankuasa Induk Kebersihan yang dianggotai oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan dan ketiga-tiga kementerian ini memfokus kepada perkara kebersihan di sekitar bandar dahulu, kemudian kepada negara termasuklah Kampung Air, ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini memang dalam pemerhatian jawatankuasa ini.

Jawatankuasa ini telah meneliti kaedah-kaedah tatacara dan juga melibatkan (*engage*) *NGOs*. Kalau kitani melihat dahulu semasa menghadapi Virus Zika bagaimana pihak *NGOs* menyertai kegiatan-kegiatan pembersihan ini

seperti sekumpulan pantai (*beach bunch*). Kita mengalu-alukan akan penyertaan ini kerana isu kebersihan ini bukan sahaja isu kerajaan tetapi isu mesti dipikul bersama oleh rakyat dan penduduk negara ini. Tepat sebagai pendekatan keseluruhan negara (*the whole of nation approach*).

Mengenai 1K1P pada masa ini pengusaha-pengusaha mengeluarkan produk mereka bergantung pada *supply and of demand*. Mereka ini terikat, *constrain* mereka ialah dalam satu-satu produk adalah bahan mentah mereka. Umpamanya bagi pengusaha keropok pisang ada di Daerah Brunei Muara dan di Daerah Temburong. Macam mana mereka mendapatkan bahan mentah itu *sustainable* jika sekiranya ada permintaan (*demand*) yang mengejut. Perkara-perkara sebegini perlu dilihat. Dalam hubungan ini, kaola kira ia mesti diagihkan kepada beberapa agensi bukannya kampung itu sendiri betanam pisang, *harvest the* pisang, pisang itu jadi bahan mentahnya. Mungkin kitani memerlukan satu *network* yang pengusaha hanya menanam pisang saja kemudian membekalkan bahan itu ke kampung ini. Kampung itu akan menghasilkan produk dan pembungkusan akan dibuat oleh pengusaha lain, pemasaran pula akan dibuat oleh orang lain jadi ada pengkhususan.

Inilah prespektif yang dilihat pada masa ini bagaimana kitani dapat membantu mereka ini. Kalau mereka ini membuat semua kerja ini mungkin kitani akan lambat mencapai kualiti produk yang kitani hasratkan walaupun produk-

produk kitani ini mempunyai permintaan yang tinggi di luar negara. Sebagaimana yang kitani saksikan apabila mereka ini menyertai ekspo di luar negeri.

Berhubung dengan Penguat Kuasa Lembaga Bandaran ini memang mempunyai kuasa untuk mengarahkan tuan punya bangunan untuk menjaga dan memelihara bangunan-bangunan mereka. Terima kasih atas usul itu walau bagaimanapun kita akan mencontohi praktis-praktis yang baik di bandar-bandar lain bagaimana mereka menguatkuasakan peraturan-peraturan seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun membincangkan mengenai Rang Undang-Undang Pebekalan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan panjang lebar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menjawab soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan jelas dan telus. Maka cukuplah perbincangan perkara ini sekarang dan sudah boleh kita undi supaya perkara yang dibentangkan ini akan dapat kita luluskan atau sebaliknya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Yang Berhormat Pengerusi, mohon izin kaola tidak akan berbincang cuma kaola akan merespons salah seorang Ahli Yang Berhormat menimbulkan mengenai Satu Kampung Satu Produk untuk mendapat Sijil Halal.

Kaola ingin menyatakan bahawa kementerian mengalu-alukan sebarang permohonan daripada pengusaha-

pengusaha Satu Kampung Satu Produk dan setakat ini **الْحَمْدُ لِلَّهِ** ada produk yang sudah mendapatkan Sijil Halal umpamanya di Daerah Temburong, di Kampung Sumbiling atau Kampung Selapon menghasilkan produk mi kuning, ambulung (sagu) di Batu Apoi, di Daerah Tutong teh herba, Kampung Kiudang Kelapa Dara Tanjung Maya.

Di Daerah Belait di Sungai Teraban saja ada 9 produk termasuk snek ikan dan dodol. Sebenarnya banyak produk yang boleh diberi Sijil Halal tertakluk apabila mereka memohon. Ia akan diperiksa dan diaudit dan sebagaimana keperluan yang biasanya. Setakat itu sahaja kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang mengemukakan soalan itu. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat. Kitani juga sentiasa berdoa semoga usaha yang berkebjikan yang dilaksanakan di kampung-kampung berkenaan akan menempuhi dan menepati sasaran-sasarannya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Maka dengan itu saya sekarang ingin bertanya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi kita untuk meluluskan Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A sila angkat tangan.

(semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima Kasih **الْحَمْدُ لِلَّهِ** nampaknya semua Ahli bersetuju dan dengan itu kita luluskan belanjawan berkenaan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya cadangkan supaya kita beredat untuk bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat pada sebelah tengah hari dan kita akan bersidang semula pada petang ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada pukul 2.30 petang. Sekian **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)